

**LAMPIRAN B**

1. **Surat Bahagian Kewangan, KP(BKEW/BT) 1800/D Jld. 3 (33) bertarikh 11 November 2009** berhubung Yuran Makan Asrama (YMA) : Mulai Tahun 2010, YMA sebanyak RM1.00 kekal dikenakan kepada ibu dan bapa/penjaga murid dengan pendapatan berjumlah RM 4,999.00 sebulan dan ke bawah. Bagi ibu dan bapa/penjaga murid berpendapatan RM 5,000.00 sebulan dan ke atas, mereka dikenakan bayaran YMA sebanyak RM3.00 sehari. Sementara murid Asrama Sekolah Pendidikan Khas, Murid Orang Asli, PPRT, Asrama Desa, Asrama sekolah di negeri Sabah , Sarawak dan WP Labuan kekal dikecualikan daripada membayar YMA.
2. Fi terhadap murid warga asing yang diterima masuk ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(2)(b) **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998**; dan Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 4/2000, **Peraturan Kutipan Fee Sekolah Yang Dikenakan Kepada Murid Asing bertarikh 3 Mei 2000.**
3. Pembelian majalah sekolah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 8(2)(d) **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majalah Sekolah dan Bahan Multi Media) 1998.**
4. Bayaran Tambahan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)- tiga jenis Bayaran Tambahan bagi subjek Azhari yang ditetapkan (Bayaran Amal Islami/Ihtifal (kokurikulum), Yuran Peperiksaan Dalaman Kurikulum Azhari, Bayaran Kurikulum Azhari seperti **Surat Perakuan Penyelarasan Bayaran Bagi Kurikulum Azhari Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) – KP(JAPIM) 5206/2/4/2 Jld. 6 (2) bertarikh 10 Januari 2008.**
5. Fi dan bayaran lain seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997.**
6. Sumbangan bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998**; kadar sumbangan ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru.